

# Al-Falsafah

## Jurnal Pemikiran dan Filsafat Islam

Research Article

### Konsep Kehidupan Dan Kematian: Analisis Perbandingan Antara Darwinisme, Kristian, Hindu Dan Islam Dari Perspektif Aqidah Islam

Haswira Salleh Ahim

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam  
Email: [haswirasallehahim@gmail.com](mailto:haswirasallehahim@gmail.com)

Copyright © 2026 by Authors, Published by **Al-Falsafah: Jurnal Pemikiran dan Filsafat Islam**. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : April 27, 2026  
Accepted : June 16, 2026

Revised : May 08, 2026  
Available online : July 21, 2026

**How to Cite:** Haswira Salleh Ahim. (2026). The Concept of Life and Death: A Comparative Analysis of Darwinism, Christianity, Hinduism, and Islam from the Perspective of Islamic Creed (Aqidah). *Al-Falsafah: Jurnal Pemikiran Dan Filsafat Islam*, 2(1), 32-45. <https://doi.org/10.61166/falsafah.v2i1.32>

#### The Concept of Life and Death: A Comparative Analysis of Darwinism, Christianity, Hinduism, and Islam from the Perspective of Islamic Creed (Aqidah)

**Abstract.** Discussions regarding the concepts of life and death in the modern era are increasingly influenced by scientific and secular approaches which tend to deny the spiritual dimension, as well as giving rise to errors in understanding the meaning of human existence. Although various traditions such as Darwinism, Christianity and Hinduism offer their own interpretations, there is a significant gap in understanding, especially from the perspective of Islamic faith. In this regard, this study aims to analyze the concepts of life and death based on the perspectives of Darwinism, Christianity, Hinduism and Islam and assess the differences from the perspective of Islamic beliefs to determine the

most comprehensive approach in understanding the meaning of human existence. This study uses a qualitative approach based on library analysis by examining primary sources such as the Al-Qur'an and hadith and secondary sources from related academic works and journal articles. Data were analyzed using thematic content analysis methods and critical comparison methods to identify similarities and differences between each perspective. The results of the study show that Darwinism provides an explanation that is limited to biological aspects without the dimension of life's purpose, while Christianity and Hinduism maintain spiritual elements but have certain theological and eschatological issues. In contrast, Islam offers a more holistic and balanced approach by combining the dimensions of the world and the afterlife, and emphasizes the concepts of monotheism, individual responsibility and life after death as the main principles in understanding the meaning of human existence.

**Keywords:** Life And Death, Darwinism, Christianity, Hinduism, Islamic Aqidah, Comparative Analysis

**Abstrak.** Perbincangan mengenai konsep kehidupan dan kematian dalam era moden semakin dipengaruhi oleh pendekatan saintifik dan sekular yang cenderung menafikan dimensi spiritual, sekali gus menimbulkan kekeliruan dalam memahami makna kewujudan manusia. Walaupun pelbagai tradisi seperti Darwinisme, Kristian dan Hindu menawarkan tafsiran tersendiri, wujud jurang kefahaman yang signifikan khususnya dari sudut aqidah Islam. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis konsep kehidupan dan kematian berdasarkan perspektif Darwinisme, Kristian, Hindu dan Islam serta menilai perbezaannya dari sudut aqidah Islam bagi menentukan pendekatan yang paling komprehensif dalam memahami makna kewujudan manusia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan dengan meneliti sumber primer seperti Al-Qur'an dan hadis dan sumber sekunder daripada karya akademik dan artikel jurnal yang berkaitan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik dan kaedah perbandingan kritikal bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara setiap perspektif. Hasil kajian menunjukkan bahawa Darwinisme memberikan penjelasan yang terhad kepada aspek biologi tanpa dimensi tujuan hidup, manakala Kristian dan Hindu mengekalkan unsur spiritual namun mempunyai isu teologi dan eskatologi tertentu. Sebaliknya, Islam menawarkan pendekatan yang lebih holistik dan seimbang dengan menggabungkan dimensi dunia dan akhirat, serta menegaskan konsep tauhid, tanggungjawab individu dan kehidupan selepas mati sebagai asas utama dalam memahami makna kewujudan manusia.

**Kata kunci:** Kehidupan Dan Kematian, Darwinisme, Kristian, Hindu, Aqidah Islam, Analisis Perbandingan

## PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai konsep kehidupan dan kematian merupakan asas utama dalam pembentukan worldview manusia. Kedua-dua konsep ini berperanan dalam menentukan bagaimana manusia memahami asal usul kewujudan, rujuan hidup dan destinasi akhir selepas kematian. Dalam tradisi keagamaan, persoalan ini dikaitkan dengan dimensi metafizik dan ketuhanan, manakala dalam pemikiran moden, ia semakin ditafsirkan melalui pendekatan rasional dan empirikal. Perbezaan pendekatan ini telah melahirkan pelbagai tafsiran yang seterusnya mempengaruhi cara manusia melihat diri, realiti kehidupan dan hubungan mereka dengan alama dan Tuhan.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Ninian Smart. (1996). *Dimensions of the Sacred: An Anatomy of the World's Beliefs*. Berkeley: University of California Press, hlm. 10–18.

Dalam era moden, pemikiran manusia banyak dipengaruhi oleh dominasi fahaman materialisme dan sekularisme. Kehidupan sering difahami sebagai fenomena fizikal semata-mata yang boleh dijelaskan melalui sains tanpa merujuk kepada dimensi spiritual. Pendekatan ini telah mengubah orientasi pemikiran manusia daripada melihat kehidupan sebagai sesuatu yang mempunyai tujuan Ilahi kepada sesuatu yang bersifat duniawi dan sementara. Akibatnya, unsur ketuhanan semakin terpinggir dalam perbincangan tentang makna kehidupan dan kematian, sekali gus menimbulkan jurang antara dimensi fizikal dan spiritual dalam memahami hakikat kewujudan manusia.<sup>2</sup>

Fenomena ini menjadi lebih jelas apabila diteliti melalui isu-isu kontemporari seperti euthanasia (*assisted dying*), *transhumanisme* dan konsep *digital immortality*. Isu-isu ini mencerminkan kecenderungan manusia moden untuk bukan sahaja mempersoalkan makna kehidupan, tetapi juga berusaha mengawal dan menentukan sendiri aspek kematian. Dalam kerangka ini, kehidupan dilihat sebagai sesuatu yang boleh dilanjutkan melalui teknologi, manakala kematian dianggap sebagai fenomena yang boleh ditangguhkan atau dikawal mengikut kehendak manusia. Pendekatan ini menimbulkan persoalan etika dan metafizik yang mendalam berkaitan batas kemampuan manusia dan kedudukan mereka dalam sistem kewujudan.<sup>3</sup>

Kesan daripada perkembangan ini ialah berlakunya kekaburan dalam memahami makna sebenar kehidupan. Kehidupan tidak lagi dilihat sebagai amanah atau ujian, tetapi lebih kepada ruang untuk memenuhi keinginan individu. Pada masa yang sama, kematian sering dianggap sebagai pengakhiran mutlak tanpa kesinambungan, sekali gus menghapuskan kesedaran tentang kehidupan selepas mati. Keadaan ini berpotensi membawa kepada krisis makna (*meaning crisis*), di mana manusia kehilangan arah dalam memahami tujuan kewujudan mereka dan gagal membina hubungan yang seimbang antara aspek material dan spiritual.<sup>4</sup>

Sehubungan itu, perbandingan antara pelbagai perspektif menjadi penting bagi memahami perbezaan asas dalam mentafsir konsep kehidupan dan kematian. Darwinisme mewakili pendekatan saintifik yang berasaskan evolusi, manakala Kristian dan Hindu mencerminkan tradisi keagamaan yang mempunyai kerangka metafizik tersendiri. Islam pula menawarkan perspektif yang berasaskan wahyu dengan penekanan terhadap tauhid, tujuan hidup dan kehidupan selepas mati. Melalui perbandingan ini, analisis yang lebih menyeluruh dapat dilakukan bagi menilai kekuatan dan kelemahan setiap pendekatan dalam menjelaskan hakikat kehidupan dan kematian.<sup>5</sup>

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep kehidupan dan kematian berdasarkan empat perspektif utama, iaitu Darwinisme, Kristian, Hindu

---

<sup>2</sup> Peter L. Berger. (1990). *The Sacred Canopy: Elements of a Sociological Theory of Religion*. New York: Anchor Books, hlm. 107–115.

<sup>3</sup> Yuval Noah Harari. (2017). *Homo Deus: A Brief History of Tomorrow*. London: Harvill Secker, hlm. 23–40.

<sup>4</sup> Viktor E. Frankl. (2006). *Man's Search for Meaning*. Boston: Beacon Press, hlm. 140–150.

<sup>5</sup> John Hick. (1989). *An Interpretation of Religion*. New Haven: Yale University Press, hlm. 56–65.

dan Islam. Seterusnya, artikel ini akan melakukan perbandingan kritikal antara pandangan-pandangan tersebut dan menilai kesesuaiannya dari sudut Aqidah Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang makna kehidupan dan kematian, di samping menegaskan kedudukan Islam sebagai kerangka yang menyeluruh, seimbang dan berasaskan kebenaran wahyu.

## **METODE KAJIAN**

Metode kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis perpustakaan (*library research*) dengan meneliti sumber-sumber primer dan sekunder yang merangkumi teks wahyu seperti Al-Qur'an dan hadis, karya turath ulama Islam dalam bidang aqidah dan tafsir dan literatur Barat berkaitan Darwinisme dan agama Kristian dan Hindu. Data dikumpulkan melalui kajian dokumen daripada buku akademik dan artikel jurnal yang relevan, kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) secara tematik bagi mengenal pasti konsep utama berkaitan kehidupan dan kematian. Selain itu, kaedah perbandingan (*comparative analysis*) turut diaplikasikan bagi menilai persamaan dan perbezaan antara perspektif Darwinisme, Kristian, Hindu dan Islam, seterusnya menilai kesesuaiannya berdasarkan kerangka aqidah Islam secara kritikal dan meluas.

## **Konsep Kehidupan Dalam Darwinisme**

Darwinisme memahami kehidupan sebagai hasil daripada proses evolusi semula jadi yang berlaku secara berperingkat melalui mekanisme seperti *natural selection* dan penyesuaian diri. Dalam kerangka ini, kewujudan makhluk hidup tidak dianggap sebagai hasil penciptaan langsung, tetapi berkembang daripada bentuk kehidupan yang lebih ringkas kepada bentuk yang lebih kompleks melalui perubahan biologi yang berterusan. Pendekatan ini meletakkan evolusi sebagai asas utama dalam menjelaskan asal usul kehidupan, dengan menekankan faktor variasi genetik dan tekanan persekitaran sebagai pemacu utama perubahan.<sup>6</sup>

Dalam perspektif Darwinisme yang bersifat naturalistik, kehidupan tidak melibatkan campur tangan Tuhan atau unsur ketuhanan. Alam dan kehidupan dianggap beroperasi berdasarkan hukum semula jadi yang bersifat autonomi, tanpa tujuan metafizik yang ditentukan oleh Pencipta. Oleh itu, segala fenomena kehidupan dijelaskan melalui pendekatan empirikal dan saintifik semata-mata, tanpa merujuk kepada wahyu atau sistem kepercayaan agama.<sup>7</sup> Pendekatan ini memperlihatkan pemisahan yang jelas antara sains dan agama dalam memahami realiti kehidupan.

Sehubungan itu, kehidupan dalam kerangka Darwinisme sering ditafsirkan sebagai sesuatu yang berlaku secara kebetulan atau rawak. Proses evolusi tidak mempunyai tujuan akhir yang tetap, sebaliknya bergantung kepada interaksi antara perubahan genetik dan faktor persekitaran. Hal ini membawa kepada pemahaman bahawa kehidupan tidak memiliki tujuan mutlak, tetapi sekadar hasil daripada proses

---

<sup>6</sup> The Origin of Species oleh Charles Darwin. (1859). London: John Murray, hlm. 80–95.

<sup>7</sup> The Origin of Species oleh Charles Darwin. (1859). London: John Murray, hlm. 80–95.

semula jadi yang berterusan tanpa arah yang ditentukan.<sup>8</sup> Pespektif ini secara tidak langsung menafikan konsep tujuan (*teleology*) dalam kewujudan manusia.

Implikasi daripada pendekatan ini ialah manusia dilihat sebagai entiti biologi semata-mata yang tidak mempunyai keistimewaan ontologi yang tersendiri. Manusia dianggap sebagai sebahagian daripada rantai evolusi yang sama dengan makhluk lain, hanya berbeza dari segi tahap perkembangan biologi. Pandangan ini mengurangkan kedudukan manusia daripada makhluk yang organisma yang berfungsi dalam sistem biologi.<sup>9</sup> Hal ini memberi kesan terhadap pemahaman tentang nilai dan martabat manusia dalam masyarakat moden.

Dari sudut analisis kritikal, pendekatan Darwinisme ini cenderung kepada reduksionisme, iaitu menghadkan pemahaman tentang manusia kepada aspek fizikal dan biologi semata-mata. Dimensi ruh, makna kehidupan dan tujuan kewujudan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Keadaan ini menjadikan penjelasan tentang kehidupan tidak menyeluruh, kerana ia gagal menjawab persoalan asas yang lebih mendalam berkaitan makna, tujuan dan nilai kehidupan manusia. Oleh itu, pendekatan ini dilihat mempunyai keterbatasan dalam memberikan jawapan yang meluas terhadap persoalan eksistential manusia.<sup>10</sup>

Dalam konteks semasa, pengaruh pemikiran ini dapat dilihat melalui kecenderungan masyarakat moden yang menilai manusia berdasarkan aspek survival dan produktif. Nilai kehidupan tidak lagi dianggap bersifat mutlak, tetapi menjadi relatif bergantung kepada fungsi dan sumbangan individu dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa apabila kehidupan difahami tanpa dimensi spiritual, ia berpotensi membawa kepada penilaian yang sempit terhadap nilai manusia dan mengabaikan aspek kemanusiaan yang lebih mendalam.<sup>11</sup>

### **Konsep Kehidupan Dalam Kristian**

Dalam tradisi Kristian, kehidupan difahami sebagai ciptaan Tuhan yang mempunyai tujuan dan makna yang jelas. Manusia tidak wujud secara kebetulan, sebaliknya dicipta oleh Tuhan sebagai sebahagian daripada perancangan Ilahi yang teratur. Konsep ini menegaskan bahawa kehidupan memiliki nilai semula jadi yang tinggi dan berkait rapat dengan hubungan manusia dan Tuhan. Dengan itu, kehidupan dilihat sebagai amanah yang perlu dipelihara dan diarahkan kepada tujuan spiritual yang telah ditentukan dalam kerangka teologi Kristian.<sup>12</sup>

Manusia dalam Kristian dianggap dicipta menurut konsep *Imago Dei* (image of God), yang menunjukkan kedudukan Istimewa manusia berbanding makhluk lain. Konsep ini menegaskan bahawa manusia memiliki dimensi moral, kesedaran dan kemampuan spiritual yang mencerminkan sebahagian daripada sifat ketuhanan. Oleh itu, kehidupan manusia dilihat sebagai sesuatu yang bermaruah dan

---

<sup>8</sup> Ernst Mayr. (2001). *What Evolution Is*. New York: Basic Books, hlm. 112–120.

<sup>9</sup> Daniel Dennett. (1995). *Darwin's Dangerous Idea*. New York: Simon & Schuster, hlm. 63–75.

<sup>10</sup> Seyyed Hossein Nasr. (1993). *The Need for a Sacred Science*. Albany: SUNY Press, hlm. 45–52.

<sup>11</sup> Alasdair MacIntyre. (1981). *After Virtue*. Notre Dame: University of Notre Dame Press, hlm.

204–210.

<sup>12</sup> The Bible. (New Revised Standard Version). (1989). Genesis 1:27.

mempunyai tanggungjawab moral yang tinggi, khususnya dalam menjaga hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia.<sup>13</sup>

Namun demikian, konsep kehidupan dalam Kristian tidak dapat dipisahkan daripada doktrin *original sin* atau dosa asal. Manusia dipercayai mewarisi dosa daripada Nabi Adam, yang menyebabkan mereka berada dalam keadaan berdosa sejak lahir. Oleh itu, tujuan utama kehidupan dalam perspektif ini ialah keselamatan (*salvation*) melalui iman kepada *Jesus Christ* (al-Masih atau Nabi Isa) sebagai penyelamat. Kepercayaan ini meletakkan penebusan dosa sebagai asas utama dalam memahami tujuan kewujudan manusia.<sup>14</sup>

Dari sudut analisis kritikal, walaupun Kristian mengekalkan dimensi spiritual dalam memahami kehidupan, konsep dosa warisan menimbulkan persoalan dari sudut keadilan individu. Idea bahawa manusia menanggung dosa sejak lahir tanpa pilihan sendiri dilihat bertentangan dengan prinsip keadilan yang menuntut tanggungjawab individu terhadap perbuatannya.<sup>15</sup> Berbeza dengan Islam, manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah yang suci dan tidak menanggung dosa orang lain, sebaliknya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap amal perbuatannya sendiri. Perbezaan ini menunjukkan asas Aqidah yang berbeza dalam memahami hakikat manusia dan keadilan Ilahi.<sup>16</sup>

Dalam konteks semasa, konsep kehidupan dalam Kristian turut berhadapan dengan cabaran sekularisasi yang menyebabkan agama semakin dilihat sebagai simbolik semata-mata. Kepercayaan terhadap dosa, keselamatan dan tujuan spiritual kehidupan semakin berkurang dalam sebahagian masyarakat moden, sekali gus mengurangkan pengaruh agama dalam menentukan makna kehidupan manusia. Fenomena ini menunjukkan bahawa walaupun kerangka teologi Kristian menekankan dimensi spiritual, pengaruh modeniti telah mengubah cara ia difahami dan diamalkan dalam kehidupan kontemporari.<sup>17</sup>

### **Konsep Kehidupan Dalam Hindu**

Dalam tradisi Hindu, kehidupan difahami sebagai satu kitaran berterusan yang dikenali sebagai *samsara*, iaitu proses kelahiran, kematian dan kelahiran semula yang berlaku secara berulang. Kehidupan tidak dilihat sebagai suatu permulaan yang mutlak, sebaliknya sebagai sebahagian daripada rangkaian kewujudan yang berterusan tanpa titik mula yang jelas. Pendekatan ini menggambarkan bahawa kehidupan bersifat berulang (*cyclical*). Perspektif ini membentuk satu kerangka metafizik yang unik dalam memahami hakikat kewujudan manusia.<sup>18</sup>

---

<sup>13</sup> Augustine of Hippo. (2003). *The City of God*. London: Penguin Classics, hlm. 426–430.

<sup>14</sup> Alister E. McGrath. (2011). *Christian Theology: An Introduction*. Oxford: Wiley-Blackwell, hlm. 287–295.

<sup>15</sup> Alister E. McGrath. (2011). *Christian Theology: An Introduction*. Oxford: Wiley-Blackwell, hlm. 287–295.

<sup>16</sup> Tafsir al-Tabari oleh al-Tabari. (2001). Cairo: Dar al-Ma'arif, Jil. 1, hlm. 512–515.

<sup>17</sup> Charles Taylor. (2007). *A Secular Age*. Cambridge: Harvard University Press, hlm. 423–435.

<sup>18</sup> The Bhagavad Gita. (2008). Oxford: Oxford University Press, hlm. 43–48.

Kitaran kehidupan tersebut dipengaruhi oleh dua konsep utama, yaitu *Karma* dan *Dharma*. *Karma* merujuk kepada hukum sebab dan akibat, di mana setiap perbuatan yang dilakukan akan memberi kesan kepada keadaan kehidupan seterusnya. Manakala *Dharma* merujuk kepada tanggungjawab moral dan peranan individu dalam menjalani kehidupan sesuai dengan kedudukannya. Kedua-dua konsep ini menjadi asas dalam menentukan perjalanan hidup seseorang dalam kitaran samsara, sekali gus menekankan kepentingan etika dan tindakan dalam menentukan nasib masa hadapan.<sup>19</sup>

Tujuan utama kehidupan dalam Hindu ialah mencapai *Moksha*, iaitu pembebasan daripada kitaran kelahiran semula. *Moksha* dianggap sebagai keadaan tertinggi di mana roh terbebas daripada ikatan duniawi dan kembali kepada hakikat asalnya. Oleh itu, kehidupan dilihat sebagai satu proses penyucian diri secara berperingkat yang bertujuan membebaskan roh daripada keterikatan terhadap dunia material. Pendekatan ini menampilkan dimensi spiritual yang mendalam dalam memahami tujuan kehidupan manusia.<sup>20</sup>

Dari sudut analisis kritikal, konsep kehidupan dalam Hindu walaupun mempunyai dimensi spiritual yang besar, namun ia bersifat *cyclical* tanpa permulaan dan pengakhiran yang jelas. Berbeza dengan Islam, kehidupan manusia tidak berlaku secara berulang, sebaliknya hanya sekali sebelum menghadapi kematian dan seterusnya kebangkitan semula untuk proses hisab. Islam secara tegas menolak konsep reinkarnasi kerana bercanggah dengan prinsip Aqidah yang menegaskan bahawa setiap manusia akan dipertanggungjawabkan atas kehidupan yang tunggal di dunia. Perbezaan ini menunjukkan asas epistemologi dan eskatologi yang berbeza antara kedua-dua tradisi.<sup>21</sup>

Dalam konteks semasa, konsep seperti reinkarnasi dan *karma* semakin mendapat tempat dalam budaya spiritual moden, khususnya melalui media, filem dan wacana motivasi.<sup>22</sup> Idea-idea ini sering dipersembahkan sebagai alternatif kepada pemahaman agama tradisional, sehingga mempengaruhi cara masyarakat memahami kehidupan dan kematian tanpa merujuk kepada kerangka Aqidah yang sahih. Fenomena ini menunjukkan bagaimana unsur kepercayaan tertentu boleh diserap ke dalam budaya popular dan membentuk pemikiran masyarakat secara tidak langsung.<sup>23</sup>

## Konsep Kehidupan Dalam Islam

---

<sup>19</sup> Sarvepalli Radhakrishnan. (1994). *The Principal Upanishads*. New Delhi: HarperCollins, hlm. 102–110. e Bhagavad Gita. (2008). Oxford: Oxford University Press, hlm. 43–48.

<sup>20</sup> Heinrich Zimmer. (1951). *Philosophies of India*. Princeton: Princeton University Press, hlm. 289–300.

<sup>21</sup> Tafsir al-Razi oleh Fakhr al-Din al-Razi. (2000). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jil. 25, hlm. 120–125.

<sup>22</sup> Angesty, C., & Mukafi, M. H. (2024). Ambivalensi Ketakutan Dalam Film Incantation, The Medium, Dan Keramat: Kajian Penyimpangan Kenikmatan Dan Korelasi Pada Abjek Profan. SAWERIGADING, 30(2), 298–311.

<sup>23</sup> Carl Jung. (1969). *The Archetypes and the Collective Unconscious*. Princeton: Princeton University Press, hlm. 75–82.

Dalam Islam, kehidupan difahami sebagai ciptaan Allah SWT yang berlaku dengan kehendak dan hikmah Allah. Kewujudan manusia bukanlah hasil kebetulan atau proses semula jadi semata-mata, tetapi merupakan manifestasi kekuasaan Ilahi yang mencipta dengan tujuan tertentu. Oleh itu, kehidupan memiliki nilai yang tinggi kerana ia berkait secara langsung dengan hubungan antara manusia dan Pencipta. Perspektif ini menegaskan bahawa setiap aspek kewujudan manusia mempunyai makna yang tersusun dalam kerangka tauhid yang menyeluruh.<sup>24</sup>

Tujuan utama kehidupan dalam Islam ialah untuk beribadah kepada Allah SWT dan melaksanakan peranan sebagai khalifah di muka bumi. Ibadah dalam konteks ini tidak terhadap kepada ritual khusus seperti solat dan puasa, tetapi merangkumi seluruh aspek kehidupan yang dilaksanakan dengan niat pengabdian kepada Allah. Pada masa yang sama, manusia diberikan amanah untuk mentadbir bumi secara adil dan bertanggungjawab selaras dengan prinsip syariah. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan dalam Islam bersifat aktif dan berfungsi, bukan sekadar diam ataupun simbolik.<sup>25</sup>

Selain itu, kehidupan dalam Islam juga difahami sebagai satu bentuk ujian yang menentukan kedudukan manusia di akhirat. Setiap individu diuji melalui pelbagai keadaan, sama ada kesenangan atau kesusahan, bagi menilai tahap keimanan dan ketaatan mereka. Kehidupan ini bersifat terarah, kerana setiap tindakan manusia mempunyai implikasi terhadap balasan yang akan diterima di akhirat. Perspektif ini menanam kesedaran bahawa kehidupan dunia adalah sementara dan berfungsi sebagai medan persediaan menuju kehidupan yang kekal.<sup>26</sup>

Dari sudut analisis, konsep kehidupan dalam Islam menggabungkan tiga aspek utama, iaitu ontologi (asal usul kehidupan sebagai ciptaan Allah), epistemologi (sumber pengetahuan melalui wahyu) dan teleologi (tujuan kehidupan sebagai ibadah dan ujian). Ketiga-tiga aspek ini disatukan melalui konsep tauhid yang menjadi asas kepada seluruh pemahaman tentang kehidupan. Pendekatan ini menjadikan pandangan Islam bersifat menyeluruh dan bersepadu, tanpa memisahkan antara aspek fizikal dan spiritual dalam memahami hakikat manusia.<sup>27</sup>

Dalam konteks semasa, konsep kehidupan dalam Islam berperanan sebagai mekanisme peyeimbang terhadap kecenderungan hedonisme dan materialisme yang semakin dominan dalam masyarakat moden. Apabila kehidupan difahami semata-mata dari sudut keseronokan dan kepentingan duniawi, manusia mudah terjebak dalam kehilangan arah dan makna kewujudan.<sup>28</sup> Oleh itu, pendekatan Islam yang menekankan tujuan hidup, tanggungjawab moral dan hubungan dengan Allah SWT

---

<sup>24</sup> Al-Qur'an. (Surah al-Dharyat: 56).

<sup>25</sup> Al-Mawardi. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 15–20.

<sup>26</sup> Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah, Jil. 4, hlm. 412–415.

<sup>27</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC, hlm. 135–140.

<sup>28</sup> Ahim, H. S. (2026). Hedonism as an Ideological Challenge to the 'Aqidah of the Muslim Ummah in the Digital Media Era. *AL-IKHSAN: Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 4(1), 83–101.



menjadi sangat relevan dalam mengembalikan keseimbangan dalam memahami kehidupan secara lebih menyeluruh dan bermakna.

### **Konsep Kematian Dalam Darwinisme**

Dalam kerangka Darwinisme, kematian difahami sebagai suatu proses biologi yang berlaku apabila fungsi-fungsi asas tubuh badan terhenti sepenuhnya. Kematian dilihat sebagai sebahagian daripada kitaran semula jadi dalam sistem kehidupan, di mana setiap organisma melalui fasa kelahiran, pertumbuhan dan akhirnya kematian. Pendekatan ini memberi penekanan kepada aspek fizikal dan biologi semata-mata, tanpa melibatkan dimensi metafizik atau spiritual dalam menjelaskan hakikat kematian.<sup>29</sup>

Sehubungan itu, Darwinisme tidak mengiktirafkan kewujudan roh yang berterusan selepas kematian. Kehidupan dianggap berakhir sepenuhnya apabila tubuh badan tidak lagi berfungsi dan kesedaran manusia dilihat sebagai hasil aktiviti otak yang akan terhenti bersama kematian fizikal. Dalam perspektif ini, tiada konsep kehidupan selepas mati, tiada alam perantaraan dan tiada hari kebangkitan. Kematian dengan itu difahami sebagai titik akhir yang mutlak bagi kewujudan manusia.<sup>30</sup>

Implikasi daripada pandangan ini ialah kematian dianggap sebagai pengakhiran mutlak tanpa sebarang kesinambungan. Hal ini membawa kepada pemahaman bahawa kehidupan tidak mempunyai dimensi lanjutan di luar dunia fizikal, sekali gus menafikan konsep pembalasan atau penghakiman selepas kematian. Perspektif ini berbeza secara asas dengan tradisi keagamaan yang melihat kematian sebagai suatu peralihan kepada bentuk kehidupan yang lain, yang lebih kekal dan bermakna.<sup>31</sup>

Dari sudut analisis kritikal, pendekatan Darwinisme terhadap kematian dilihat tidak menyeluruh kerana ia hanya menjelaskan aspek “bagaimana” kematian berlaku dari sudut biologi, tetapi gagal menjawab persoalan “mengapa” dan “apa berlaku selepas kematian”. Ketiadaan dimensi spiritual dalam penjelasan ini menyebabkan makna kematian menjadi kosong daripada nilai yang lebih mendalam, sekali gus menghadkan keupayaan manusia untuk memahami tujuan kewujudan mereka secara meluas.<sup>32</sup>

Daalam konteks semasa, pemahaman ini dapat dilihat dalam perbahasan mengenai euthanasia atau assisted dying, di mana kematian dianggap sebagai hak individu untuk ditentukan sendiri. Apabila kematian difahami sebagai pengakhiran mutlak tanpa implikasi spiritual, ia membuka ruang kepada pandangan bahawa manusia mempunyai kuasa penuh terhadap kehidupan dan kematian mereka.<sup>33</sup> Perspektif ini mengabaikan tanggungjawab moral dan hubungan manusia dengan Tuhan, sekali gus menimbulkan persoalan etika yang besar dalam masyarakat moden.

---

<sup>29</sup> Ernst Mayr. (2001). *What Evolution Is*. New York: Basic Books, hlm. 135–142.

<sup>30</sup> Francis Crick. (1994). *The Astonishing Hypothesis*. New York: Scribner, hlm. 3–10.

<sup>31</sup> Jacques Monod. (1971). *Chance and Necessity*. New York: Vintage Books, hlm. 160–170.

<sup>32</sup> Seyyed Hossein Nasr. (1989). *Knowledge and the Sacred*. Albany: SUNY Press, hlm. 210–215.

<sup>33</sup> Peter Singer. (1993). *Practical Ethics*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 175–185.

### **Konsep Kematian Dalam Kristian**

Dalam tradisi Kristian, kematian difahami sebagai suatu peralihan daripada kehidupan dunia kepada kehidupan selepas mati. Kematian bukanlah pengakhiran mutlak, sebaliknya merupakan pintu masuk kepada alam akhirat yang menentukan nasib manusia sementara, manakala kehidupan sebenar adalah kehidupan yang kekal di akhirat. Kefahaman ini membentuk asas penting dalam pemikiran Kristian yang menekankan kesinambungan kehidupan selepas kematian.<sup>34</sup>

Dari sudut kepercayaan, manusia akan menerima balasan sama ada syurga atau neraka selepas kematian. Balasan ini berkait rapat dengan keimanan dan hubungan manusia dengan Tuhan sepanjang kehidupan di dunia. Konsep ini menunjukkan bahawa setiap tindakan manusia mempunyai implikasi terhadap kehidupan selepas mati, sekali gus menegaskan prinsip keadilan Ilahi dalam menentukan nasib akhir manusia.<sup>35</sup>

Dalam Kristian, konsep keselamatan (salvation) sangat bergantung kepada iman kepada Jesus Christ sebagai penyelamat. Kepercayaan terhadap penebusan dosa melalui pengorbanan Jesus menjadi asas utama dalam menentukan kedudukan manusia di akhirat. Oleh itu, kematian bukan sahaja dilihat sebagai peralihan kepada alam lain, tetapi juga sebagai titik penentuan yang berkait secara langsung dengan pegangan teologi individu.<sup>36</sup>

Dari sudut analisis kritikal, Kristian mengekalkan konsep penghakiman Tuhan selepas kematian yang mencerminkan prinsip keadilan Ilahi. Namun demikian, asas keselamatan yang bertumpu kepada iman kepada penyelamat menimbulkan perbezaan yang ketara berbanding dengan Islam. Dalam Islam, keselamatan tidak hanya bergantung kepada keimanan semata-mata, tetapi menekankan keseimbangan antara iman, amal dan rahmat Allah SWT. Setiap individu akan dihisab berdasarkan perbuatannya sendiri tanpa menanggung dosa orang lain, yang menunjukkan konsep keadilan individu yang lebih jelas dalam kerangka Aqidah Islam.<sup>37</sup>

Dalam konteks semasa, kepercayaan terhadap kehidupan selepas mati dalam masyarakat moden semakin berhadapan dengan cabaran sekularisasi. Sebahagian masyarakat cenderung memahami kematian sebagai fenomena duniawi semata-mata tanpa kaitan dengan akhirat. Keadaan ini menyebabkan konsep syurga dan neraka semakin berkurang pengaruhnya dalam membentuk gaya hidup dan nilai moral manusia. Fenomena ini menunjukkan bagaimana perubahan sosial dan budaya moden boleh mempengaruhi kefahaman terhadap konsep kematian dalam tradisi keagamaan.<sup>38</sup>

---

<sup>34</sup> The Bible. (New International Version). (2011). John 11:25-26.

<sup>35</sup> N. T. Wright. (2008). *Surprised by Hope*. New York: HarperOne, hlm. 152-160.

<sup>36</sup> Alistair E. McGrath. (2017). *Christian Theology: An Introduction*. Oxford: Wiley-Blackwell, hlm. 330-340.

<sup>37</sup> Tafsir Ibn Kathir oleh Ibn Kathir. (1999). Riyadh: Dar Tayyibah, Jil. 3, hlm. 245-248.

<sup>38</sup> Bryan S. Turner. (2011). *Religion and Modern Society*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 98-105.

## Konsep Kematian Dalam Hindu

Dalam tradisi Hindu, kematian tidak dianggap sebagai pengakhiran kehidupan, tetapi sebagai satu fasa dalam kitaran reinkarnasi (*samsara*). Apabila seseorang mati, roh tidak lenyap, sebaliknya akan dilahirkan semula dalam bentuk kehidupan yang lain. Oleh itu, kematian dalam kerangka ini difahami sebagai peralihan daripada satu bentuk kewujudan kepada bentuk yang seterusnya dalam suatu kitaran yang berterusan. Perspektif ini menegaskan bahawa kewujudan manusia bersifat dinamik dan berulang, bukan linear seperti dalam kebanyakan tradisi agama lain.<sup>39</sup>

Kitaran tersebut bergantung kepada konsep karma, iaitu hukum sebab dan akibat yang menentukan keadaan kehidupan seterusnya. Setiap perbuatan manusia dalam kehidupan semasa akan mempengaruhi bentuk kelahiran semula yang akan datang, sama ada dalam keadaan yang lebih baik atau sebaliknya. Dengan itu, kematian tidak dilihat sebagai titik akhir, tetapi sebagai sebahagian daripada proses berterusan yang dipengaruhi oleh tindakan individu. Konsep ini menekankan tanggungjawab moral dalam konteks yang berpanjangan merentasi pelbagai kitaran kehidupan.<sup>40</sup>

Tujuan utama dalam kerangka ini ialah mencapai *moksha*, iaitu pembebasan daripada kitaran *samsara* dan keterikatan terhadap dunia material. Walau bagaimanapun, dari sudut analisis kritikal, pendekatan ini tidak mempunyai konsep penghakiman akhir yang muktamad sebagaimana yang terdapat dalam agama-agama samawi. Berbeza dengan Islam, manusia yang terdapat dalam agama-agama samawi. Berbeza dengan Islam, manusia hanya menjalani satu kehidupan di dunia sebelum dibangkitkan semula untuk dihisab dan menerima balasan yang kekal di akhirat. Perbezaan ini menunjukkan asas eskatologi yang berbeza antara kedua-dua tradisi dalam memahami kematian dan kehidupan selepasnya.<sup>41</sup>

## Analisis Perbandingan Krtikal

Secara asasnya, perbezaan antara Darwinisme dan tradisi agama-agama dapat dilihat dengan jelas dari sudut asal usul kehidupan. Darwinisme menjelaskan kehidupan melalui proses evolusi yang berlaku secara semula jadi tanpa campur tangan Tuhan, manakala agama seperti Kristian, Hindu dan Islam melihat kehidupan sebagai ciptaan Tuhan atau realiti metafizik yang melibatkan dimensi spiritual. Perbezaan ini menunjukkan kewujudan jurang epistemologi antara pendekatan saintifik yang bersifat materialistic dengan pendekatan keagamaan yang berasaskan wahyu dan metafizik.

Dari sudut tujuan kehidupan, Darwinisme tidak memberikan tujuan mutlak kepada kewujudan manusia, sebaliknya melihat kehidupan sebagai hasil proses adaptasi semula jadi yang tidak mempunyai arah tertentu. Sebaliknya, dalam Islam, kehidupan mempunyai tujuan yang jelas, iaitu sebagai ibadah kepada Allah SWT dan sebagai ujian bagi menentukan kedudukan manusia di akhirat. Perbezaan ini

---

<sup>39</sup> Bhagavad Gita. (2008). Oxford: Oxford University Press, hlm. 65-70.

<sup>40</sup> Sarvepalli Radhakrishnan. (1996). Indian Philosophy, Vol. 1. New Delhi: Oxford University Press, hlm. 342-350.

<sup>41</sup> Tafsir al-Qurtubi oleh al-Qurtubi. (2006). Beirut: Mu'assasah al-Risalah, Jil. 15, hlm. 278-282.

menegaskan bahawa Islam menawarkan dimensi teleologi yang tidak terdapat dalam kerangka Darwinisme, sekali gus memberikan makna yang lebih mendalam terhadap kewujudan manusia.

Perbezaan turut ketara dalam memahami konsep kematian. Dalam Darwinisme, kematian dianggap sebagai pengakhiran mutlak kewujudan manusia tanpa Sebarang kesinambungan. Hindu pula melihat kematian sebagai sebahagian daripada kitaran reinkarnasi yang berterusan, manakala Kristian dan Islam berkongsi pandangan bahawa kematian merupakan peralihan kepada kehidupan selepas mati. Namun demikian, kedua-dua agama tersebut berbeza dari segi asas teologi dan mekanisme keselamatan. Hal ini menunjukkan bahawa konsep kematian sangat bergantung kepada pemikiran yang mendasarinya.

Dari sudut sumber pengetahuan, Darwinisme bergantung sepenuhnya kepada pendekatan empirikal dan pemerhatian saintifik dalam menjelaskan realiti kehidupan. Sebaliknya, Islam menjadikan wahyu sebagai sumber utama dalam memahami kehidupan dan kematian, di samping mengiktiraf peranan akal sebagai alat untuk memahami wahyu tersebut. Perbezaan ini memberi kesan yang besar terhadap cara realiti ditafsirkan, sama ada terhadap kepada dimensi Zahir atau merangkumi dimensi ghaib yang melangkaui pemerhatian manusia.

Analisis kritikal menunjukkan bahawa Darwinisme cenderung bersifat reduksionis kerana menghadkan kehidupan kepada aspek biologi semata-mata. Kristian pula berdepan dengan isu teologi seperti konsep dosa asal yang menimbulkan persoalan berkaitan keadilan individu, manakala Hindu menghadapi cabaran dari sudut konsep reinkarnasi yang tidak selari dengan prinsip kebangkitan semula yang muktamad. Walaupun setiap pendekatan mempunyai kekuatan tersendiri, kesemuanya menunjukkan keterbatasan dalam memberikan penjelasan yang menyeluruh terhadap makna kehidupan manusia.

Dalam konteks ini, Islam dilihat menawarkan pendekatan yang paling seimbang kerana menggabungkan dimensi fizikal dan spiritual, dunia dan akhirat, serta wahyu dan akal dalam satu kerangka yang tersusun. Islam bukan sahaja menjelaskan asal usul kehidupan, tetapi juga tujuan dan destinasi akhirnya secara meluas. Pendekatan ini menjadikan Islam sebagai satu sistem yang lebih meluas dalam memahami kehidupan dan kematian berbanding perspektif lain, sekali gus memberikan asas yang kukuh dalam membentuk pemikiran yang seimbang dan berteraskan tauhid.<sup>42</sup>

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, konsep kehidupan dan kematian bukan sekadar persoalan biologi atau fenomena fizikal, tetapi merupakan isu aqidah yang menentukan makna kewujudan manusia secara menyeluruh. Darwinisme hanya memberikan penjelasan yang terhad kepada aspek fizikal dan biologi tanpa mampu menjawab persoalan asas

---

<sup>42</sup> Ismail Raji al-Faruqi. (1992). *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon: IIIT, hlm. 45-55.

berkaitan tujuan dan makna kehidupan. Sebaliknya, tradisi keagamaan menawarkan dimensi spiritual yang lebih mendalam dalam memahami hakikat kehidupan dan kematian. Dalam hal ini, Islam menampilkan pendekatan yang paling holistik kerana menggabungkan dimensi dunia dan akhirat dalam satu kerangka tauhid yang seimbang, sekali gus memberikan penjelasan yang komprehensif terhadap asal-usul, tujuan dan destinasi akhir kehidupan manusia.

Dalam konteks kontemporari seperti isu euthanasia, transhumanisme dan sekularisasi, kefahaman terhadap konsep kehidupan dan kematian menjadi semakin penting. Islam menegaskan bahawa kehidupan merupakan amanah daripada Allah SWT yang perlu dipelihara dan diurus dengan penuh tanggungjawab, manakala kematian pula merupakan peralihan kepada alam seterusnya, bukan pengakhiran mutlak. Kehidupan akhirat menjadi destinasi sebenar yang menentukan nilai dan hasil kehidupan manusia di dunia. Oleh itu, pemahaman yang berasaskan aqidah Islam amat diperlukan bagi memastikan manusia tidak tersasar dalam menilai makna kehidupan dan kematian, serta mampu membina worldview yang seimbang, beretika dan berteraskan kebenaran wahyu.

## DAFTAR PUSTAKA

Al-Qur'an.

Ahim, H. S. (2026). Hedonism as an Ideological Challenge to the 'Aqidah of the Muslim Ummah in the Digital Media Era. *AL-IKHSAN: Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 4(1), 83-101.

Alister E. McGrath. (2011). *Christian Theology: An Introduction*. Oxford: Wiley-Blackwell.

Alasdair MacIntyre. (1981). *After Virtue*. Notre Dame: University of Notre Dame Press.

al-Din, Fakhr, Tafsir al-Razi oleh al-Razi. (2000). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Jil. 25.

al-Tabari, Tafsir al-Tabari oleh. (2001). Cairo: Dar al-Ma'arif, Jil. 1.

Al-Mawardi. (1996). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Qurtub, Tafsir al-Qurtubi. (2006). Beirut: Mu'assasah al-Risalah, Jil. 15.

Angesty, C., & Mukafi, M. H. (2024). Ambivalensi Ketakutan Dalam Film *Incantation, The Medium, Dan Keramat*: Kajian Penyimpangan Kenikmatan Dan Korelasi Pada Abjek Profan. *SAWERIGADING*, 30(2), 298-311.

Augustine of Hippo. (2003). *The City of God*. London: Penguin Classics

Bhagavad Gita. (2008). Oxford: Oxford University Press

Bryan S. Turner. (2011). *Religion and Modern Society*. Cambridge: Cambridge University Press

Carl Jung. (1969). *The Archetypes and the Collective Unconscious*. Princeton: Princeton University Press, hlm.

Charles Taylor. (2007). *A Secular Age*. Cambridge: Harvard University Press.

Daniel Dennett. (1995). *Darwin's Dangerous Idea*. New York: Simon & Schuster

Ernst Mayr. (2001). *What Evolution Is*. New York: Basic Books.

Francis Crick. (1994). *The Astonishing Hypothesis*. New York: Scribner.

- Heinrich Zimmer. (1951). *Philosophies of India*. Princeton: Princeton University Press.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah, Jil. 4, hlm. 412–415.
- Ismail Raji al-Faruqi. (1992). *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon: IIIT, hlm. 45–55.
- Jacques Monod. (1971). *Chance and Necessity*. New York: Vintage Books.
- John Hick. (1989). *An Interpretation of Religion*. New Haven: Yale University Press.
- Ninian Smart. (1996). *Dimensions of the Sacred: An Anatomy of the World's Beliefs*. Berkeley: University of California Press, hlm. 10–18.
- N. T. Wright. (2008). *Surprised by Hope*. New York: HarperOne, hlm. 152–160.
- Peter L. Berger. (1990). *The Sacred Canopy: Elements of a Sociological Theory of Religion*. New York: Anchor Books, hlm. 107–115.
- Peter Singer. (1993). *Practical Ethics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sarvepalli Radhakrishnan. (1996). *Indian Philosophy*, Vol. 1. New Delhi: Oxford University Press.
- Sarvepalli Radhakrishnan. (1994). *The Principal Upanishads*. New Delhi: HarperCollins.
- Seyyed Hossein Nasr. (1993). *The Need for a Sacred Science*. Albany: SUNY Press.
- Seyyed Hossein Nasr. (1989). *Knowledge and the Sacred*. Albany: SUNY Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- The Bible
- The Origin of Species oleh Charles Darwin. (1859). London: John Murray, hlm. 80–95.
- Yuval Noah Harari. (2017). *Homo Deus: A Brief History of Tomorrow*. London: Harvill Secker, hlm. 23–40.
- Viktor E. Frankl. (2006). *Man's Search for Meaning*. Boston: Beacon Press, hlm. 140–150